



**PENYERTAAN SULUNG ...** Kelab Cul'Art dari UMS bersama pakaian tradisional dalam penyertaan julung kalinya di Festival Borneo Hornbill 2012.

**TARIAN RAMPIAN ...** Kelab Cul'Art dari UMS mempersembahkan Tarian Rampaian Bajau Kuda Pasu dan Limbai.

# UMS tempah kejayaan dalam festival Borneo Hornbill 2012

*NST 23-07-2012 12*

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berjaya meraih tempat ketiga dalam penyertaan buat julung kalinya Borneo Hornbill Festival 2012 yang telah berlangsung di Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang Kuala Lumpur baru-baru ini.

UMS melalui Bahagian Kebudayaan Dan Kesenian telah menghantar seramai 10 orang pelajar daripada kelab Cul'Art yang terdiri daripada pelajar dari pelbagai jurusan. Di bawah bimbingan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian UMS, kelab tersebut bergiat aktif dalam seni budaya dan seterusnya menyertai Pertandingan Tarian Etnik Borneo dalam Borneo Hornbill Festival 2012 tersebut.

Kejayaan mereka diraih menerusi persembahan tarian etnik Dusun Tabilong dan Tarian Rampaian Bajau Kuda Pasu dan Limbai. Pasukan dari Kementerian Pertahanan Malaysia bagi kumpulan A dinobatkan sebagai johan pertandingan, naib johan dimenangi oleh Kementerian Pertahanan Malaysia kumpulan B.

Para peserta pertandingan telah diadili oleh juri yang berpengalaman dari segi tarian kebudayaan, yang terdiri daripada Prof. Ainis dari Universiti Malaya, Barat Engkang dari Istana Budaya, Shafirul dari DBKL Dan Yusuf dari Persatuan Warisan Sarawak dan Sabah.



**TEMPAT KETIGA ...** Kelab Cul'Art diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga bagi Pertandingan Tarian Etnik Borneo dalam Festival Borneo Hornbill 2012.

Borneo Hornbill Festival 2012 merupakan sebuah program yang telah dimulakan pada September 2009 yang memaparkan kepelbagaian budaya, etnik, dan tradisi masyarakat Sabah dan Sarawak di Semenanjung

Malaysia. Selain daripada Pertandingan Tarian Etnik Borneo, terdapat kategori lain telah dipertandingkan, antaranya ialah pertandingan kumbang/keeling dan pertandingan runduk tatau.